

**KEBERKESANAN LALUAN PEJALAN KAKI PUSAT BANDAR BANTING
KUALA LANGAT**

Oleh

ABDUL 'AZHIIM BIN MOHAMAD

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PERAK)
SERI ISKANDAR**

OKTOBER 2011

ABSTRAK

Laluan pejalan kaki merupakan salah satu kemudahan yang penting di kawasan bandar. Ia berfungsi untuk memberikan laluan yang selamat kepada pejalan kaki. Walau bagaimanapun, tidak semua laluan pejalan kaki itu sempurna. Terdapat laluan pejalan kaki yang tidak digunakan ataupun kurang digunakan oleh pejalan kaki di sesuatu kawasan. Bagi melihat keberkesanan dan permasalahan yang terjadi di laluan pejalan kaki dengan lebih lanjut, kajian tersebut di jalankan di Pusat Bandar Banting. Sebagai kawasan kajian, antara masalah laluan pejalan kaki yang wujud di kawasan kajian ialah konflik pertembungan pejalan kaki dan kenderaan yang jelas di laluan pejalan kaki di kawasan tumpuan umum, ketiadaan laluan pejalan kaki di bahu jalan dan laluan pejalan kaki yang terputus-putus di jalan yang mempunyai aliran trafik yang tinggi dan padat, serta halangan di laluan pejalan kaki. Masalah-masalah ini menyebabkan masalah lain yang berlaku seperti aliran trafik terganggu apabila pejalan kaki tidak menggunakan laluan sediaada sebaliknya menjadikan jalanraya sebagai laluan alternatif. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan mengemukakan cadangan bersesuaian bagi mengatasi masalah diatas. Kajian dibuat terhadap beberapa aspek iaitu ilmiah, kawasan kajian, garis panduan-garis panduan dan lain-lain yang berkait dalam mengkaji permasalahan yang terdapat di kawasan kajian. Hasil kajian yang dilakukan mendapati terdapat lapan penemuan yang didapati daripada analisis yang dijalankan iaitu aliran putus-putus yang menyumbang kepada pertembungan antara pejalan kaki dan kenderaan, pembinaan laluan baru, halangan di laluan pejalan kaki, kekurangan elemen keselamatan dan keselesaan, kesukaran melintas di kawasan Pusat Bandar Banting, aliran trafik Pusat Bandar Banting tinggi serta kelebaran sediaada tidak dapat menampung dua orang berselisih. Antara cadangan yang dikemukakan ialah cadangan pengurusan sistematik di laluan pejalan kaki, pembinaan laluan baru, lintasan zebra, penyediaan rel penghadang, penyediaan lanskap di sisi laluan serta penguatkuasaan undang - undang.

PENGHARGAAN

Alhmdullilah, dengan izin Allah S.W.T dapat saya menyiapkan kajian ini untuk memenuhi syarat penganugerahan Diploma Perancangan Bandar Dan Wilayah. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia kajian akhir saya iaitu Pn. Siti Nur Awanis binti Mohamad Zulkifli kerana telah banyak memberi pertolongan, bimbingan serta panduan kepada saya bagi menyiapkan kajian ini. Semoga Allah sentiasa memberkati ke atasnya.

Terima kasih juga dirakamkan kepada ibu Hajah Azmah Binti Ibrahim, ayah Haji Mohamad bin Abu Bakar yang sentiasa mendoakan segala usaha dari permulaan kajian sehingga ke akhir kajian saya ini. Tidak lupa juga kepada Koordinator Projek Kajian Akhir iaitu Dr Mohd Fadzil bin Abd. Rashid. Serta semua pensyarah Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah. UiTM Perak.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang terlibat secara langsung didalam kajian ini serta sahabat, Siti Hajar Binti Othman, Mohd Syafiq Ibnu Hajar serta Mohd Zainizam Zainal serta abang saya Mohd Akram Bin Mohamad yang telah memberikan dorongan dan pertolongan kepada saya dalam menjalankan projek kajian ini.

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	vi
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	ix
Senarai Lampiran	xi
Senarai Singkat Kata	xii

KANDUNGAN	MUKA SURAT
BAB 1.0 PENGENALAN	1
1.1 Pernyataan Masalah	3
1.2 Tujuan	4
1.3 Objektif	4
1.4 Skop Kajian	5
1.4.1 Kawasan Kajian	5
1.4.2 Elemen Kajian	6
1.5 Teknik Pengumpulan Data	6
1.6 Methodologi Kajian	8
1.7 Rumusan	10
 BAB 2.0 KONSEP DAN PERANCANGAN LALUAN PEJALAN KAKI	
2.0 Pengenalan	12
2.1 Definisi Pejalan Kaki	13
2.2 Definisi Ruang Laluan Pejalan kaki	14
2.3 Sejarah Perkembangan Laluan Pejalan Kaki	15
2.3.1 Perkembangan Laluan Pejalan Kaki Di Negara Barat	16
2.3.2 Perkembangan Laluan Pejalan	

Bab 1

Pengenalan

1.0 Pengenalan

Bandar merupakan nadi perkembangan bagi sesuatu kawasan dan ianya merupakan kawasan yang cepat berkembang berbanding kawasan luar bandar. Sistem lalulintas merupakan wadah atau medium yang berkesan bagi membantu perkembangan sesuatu bandar tersebut. Sistem lalulintas bukan hanya sekadar sirkulasi jalan. Ia juga berhubungkait pengurusan lalulintas dimana keberkesanan pengurusan sirkulasi jalan dapat menjamin pergerakan lalulintas yang baik serta aliran perjalanan yang sempurna bagi yang berkenderaan mahupun yang berjalan kaki.

Keberkesanan pengurusan sistem sirkulasi jalan bukan sahaja melibatkan jalan pengagih utama, pengagih sekunder, pengumpul, perkhidmatan dan lain – lain lagi. Ia juga melibatkan laluan pejalan kaki dimana menjadi kebiasaan laluan pejalan kaki dibina bersebelahan dengan jalan – jalan utama khususnya di kawasan bandar. Seperti sistem jalanraya, sistem laluan pejalan kaki juga mempunyai kelebaran - kelebaran mengikut aliran pejalan kaki bagi sesuatu laluan. Selain itu, laluan pejalan kaki lima atau (five-foot way) merupakan sebahagian komponen bagi laluan pejalan kaki ini.

Sistem laluan pejalan kaki berkembang seiring dengan peredaran zaman. Walaupun ianya bermula sebagai laluan yang hanya boleh dilalui oleh Golongan Istana, kini semua lapisan umur tanpa mengira darjat telah menikmati hasil dari pemikiran yang dibawa oleh pemikir teori khususnya seperti Rubiensten, Emanuel serta ramai lagi pemikir eropah yang lain. Hasil daripada teori ini, ianya bukan sahaja dapat mengurangkan kesesakan yang